



# GARIS PANDUAN PENDAFTARAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING MELALUI SISTEM XPATS GATEWAY

MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
2025

---

## **ISI KANDUNGAN**

---

<b>SINGKATAN.....</b>	<b>2</b>
<b>1.0 PENGENALAN.....</b>	<b>3</b>
<b>2.0 OBJEKTIF GARIS PANDUAN .....</b>	<b>3</b>
<b>3.0 SKOP.....</b>	<b>3</b>
<b>4.0 TAFSIRAN.....</b>	<b>3</b>
<b>5.0 BAHAGIAN A: KRITERIA PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS</b>	
<b>5.1 ORGANISASI YANG MEMBUAT PERMOHONAN.....</b>	<b>4</b>
<b>5.2 KRITERIA PENGAMAL .....</b>	<b>5</b>
<b>6.0 BAHAGIAN B: PROSES PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS</b>	
<b>6.1 PERMOHONAN ORGANISASI/ SYARIKAT .....</b>	<b>6</b>
<b>6.2 PENYEDIAAN DOKUMEN SOKONGAN .....</b>	<b>6</b>
<b>6.3 PENYERAHAN PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS.....</b>	<b>7</b>
<b>6.4 KEPUTUSAN PERMOHONAN .....</b>	<b>7</b>
<b>6.5 PERMOHONAN YANG DITOLAK .....</b>	<b>7</b>
<b>7.0 BAHAGIAN C : PROSES PERMOHONAN PPS</b>	
<b>7.1 BAYARAN PERMOHONAN PPS.....</b>	<b>8</b>
<b>7.2 PENYERAHAN PERMOHONAN PPS.....</b>	<b>8</b>
<b>7.3 KEPUTUSAN PERMOHONAN .....</b>	<b>9</b>
<b>7.4 PERMOHONAN PEMBAHARUAN UNTUK PPS.....</b>	<b>9</b>
<b>8.0 BAHAGIAN D : TERMA DAN SYARAT</b>	
<b>8.1 TERMA DAN SYARAT UNTUK PENGAMAL.....</b>	<b>9</b>
<b>8.2 TINDAKAN YANG DIKENAKAN AKIBAT PELANGGARAN TERMA DAN SYARAT .....</b>	<b>10</b>
<b>LAMPIRAN I: SENARAI BIDANG AMALAN YANG DIKTIRAF UNTUK TUJUAN</b>	
<b>GARIS PANDUAN INI.....</b>	<b>11</b>
<b>LAMPIRAN II: KELAYAKAN ASAS MENGIKUT BIDANG AMALAN.....</b>	<b>12</b>
<b>LAMPIRAN III: BORANG G.....</b>	<b>13</b>
<b>LAMPIRAN IV: BORANG MALUMAT PEMOHONAN PERAKUAN PENGAMAL SEMENTARA .....</b>	<b>14</b>
<b>LAMPIRAN V: SENARAI SEMAK PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS UNTUK PENGAMAL PT&amp;K.....</b>	<b>19</b>
<b>LAMPIRAN VI: SENARAI SEMAK PERMOHONAN PPS UNTUK PENGAMAL PT&amp;K.....</b>	<b>21</b>

---

## **SINGKATAN**

---

KKM	: Kementerian Kesihatan Malaysia
PT&K	: Perubatan Tradisional dan Komplementari
BPTK	: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari
CMPTK	: Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari
JIM	: Jabatan Imigresen Malaysia
PPS	: Perakuan Pengamalan Sementara
ESD	: <i>Expatriate Service Division</i>

## 1.0 PENGENALAN

Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) 2016 (Akta 775) yang mengawalselia amalan dan pengamal PT&K di Malaysia, telah diwartakan pada 10 Mac 2016 dan dikuatkuasakan pada 1 Ogos 2016. Semua pengamal PT&K yang ingin mengamal dalam bidang amalan diiktiraf di Malaysia perlu berdaftar dengan Majlis PT&K dan perlu mempunyai perakuan pengamalan yang sah dan laku.

Pengamal PT&K warga asing perlu berdaftar sementara di bawah Majlis PT&K dan mendapat **Perakuan Pengamalan Sementara (PPS)** sekiranya mereka ingin mengamal dalam bidang amalan diiktiraf di Malaysia.

## 2.0 OBJEKTIF GARIS PANDUAN

- a) Untuk menerangkan kriteria permohonan PPS di bawah subseksyen 24 Akta 775.
- b) Untuk menerangkan proses yang terlibat dalam permohonan PPS bagi pengamal PT&K warga asing.
- c) Garis panduan ini berkuat kuasa serta merta

## 3.0 SKOP

Garis panduan ini boleh digunakan sebagai panduan kepada pihak-pihak yang ingin menggaji pengamal PT&K warga asing dan juga pengamal warga asing yang ingin memberi perkhidmatan PT&K di Malaysia. Garis panduan ini juga memberi panduan kepada pegawai Cawangan Majlis PT&K dalam memproses permohonan PPS bagi pengamal PT&K warga asing.

Terdapat 4 bahagian dalam garis panduan ini:

- Bahagian A** : Kriteria Permohonan Surat Maklum Balas  
**Bahagian B** : Proses Permohonan Surat Maklum Balas  
**Bahagian C** : Proses Permohonan PPS  
**Bahagian D** : Terma dan Syarat

## 4.0 TAFSIRAN

Untuk tujuan garis panduan ini, tafsiran beberapa istilah adalah seperti berikut:

### 4.1 Akta

Akta PT&K 2016 (Akta 775).

### 4.2 Majlis

Majlis PT&K yang ditubuhkan di bawah Akta 775.

### 4.3 Pengamal

Pengamal PT&K warga asing.

### 4.4 Bidang Amalan Diiktiraf

Bidang amalan diiktiraf untuk tujuan garis panduan ini (Lampiran I).

#### **4.5 Kelayakan Yang Diiktiraf**

Kelayakan asas yang diiktiraf oleh Majlis bagi tujuan pendaftaran di bawah Akta 775 (Lampiran II).

#### **4.6 Perakuan Pengamalan Sementara (PPS)**

Perakuan yang dikeluarkan untuk pengamal PT&K warga asing yang didaftarkan sementara di bawah subseksyen 24(2) Akta 775. Setiap PPS akan mempunyai nombor rujukan yang unik dan sah **tidak lebih dari 12 bulan** daripada tarikh dikeluarkan. PPS tidak boleh menggantikan Pas Penggajian untuk tujuan membenarkan warga asing bekerja di Malaysia.

#### **4.7 Pemohon**

Adalah organisasi yang membuat permohonan bagi pihak pengamal PT&K warga asing.

#### **4.8 Negara Asal**

Merujuk kepada negara di mana seseorang pada asalnya berdaftar sebagai pengamal atau memperoleh kelayakannya.

### **5.0 BAHAGIAN A: KRITERIA PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS**

Semua pengamal hendaklah diwakili oleh satu organisasi sama ada daripada sektor awam atau swasta di semenanjung Malaysia yang akan membuat permohonan bagi pihak pengamal. Setiap permohonan perlu dilakukan melalui sistem Xpats Gateway menerusi laman web <https://esd.imi.gov.my/portal>. Surat Maklum Balas juga dikenali sebagai Surat Sokongan bagi tujuan ini.

#### **5.1 ORGANISASI YANG MEMBUAT PERMOHONAN**

##### **5.1.1 KRITERIA BAGI ORGANISASI KERAJAAN**

- a) Organisasi kerajaan yang ingin menggaji pengamal PT&K warga asing perlu menyediakan bukti surat tawaran kerja kepada pengamal yang ditandatangani oleh pihak pengurusan tertinggi organisasi tersebut.
- b) Organisasi kerajaan perlu menghantar borang permohonan dan memenuhi keperluan permohonan seperti di Senarai Semak Permohonan PPS untuk Pengamal PT&K (Lampiran VI).
- c) Bayaran fi akan dikecualikan untuk permohonan dari organisasi kerajaan.

##### **5.1.2 KRITERIA BAGI ORGANISASI/ SYARIKAT SWASTA**

- a) Organisasi/ Syarikat tersebut haruslah berdaftar dengan agensi yang berkaitan di Malaysia (cth: Suruhanjaya Syarikat Malaysia). Walau bagaimanapun, keperluan pendaftaran organisasi adalah tertakluk kepada negeri yang berkaitan atau pihak berkuasa tempatan (jika berkaitan).
- b) Organisasi/ Syarikat tersebut perlu mempunyai objektif penubuhan organisasi yang berkaitan dengan amalan PT&K.

- c) Tempat amalan (di mana perkhidmatan PT&K diberikan) harus dilesenkan oleh pihak berkuasa tempatan yang berkenaan untuk menawarkan perkhidmatan PT&K. Penawaran perkhidmatan PT&K secara bebas (*freelance*) adalah tidak dibenarkan.

### **5.1.3 SYARAT-SYARAT BAGI PENGIKLANAN JAWATAN**

Organisasi/ Syarikat yang membuat permohonan mestilah membuktikan usaha organisasi/ syarikat untuk mengutamakan pengambilan pengamal PT&K warga tempatan sebelum menggaji pengamal warga asing, dengan mengiklankan jawatan pengamal PT&K dalam portal yang ditetapkan oleh ESD.

## **5.2 KRITERIA PENGAMAL**

### **5.2.1 STATUS PENDAFTARAN SEMASA**

- a) Pengamal hendaklah memastikan status pendaftaran kekal aktif dengan badan berkenaan yang mengawalselia pendaftaran pengamal dari negara beliau mengamal.
- b) Badan yang mengawalselia tersebut hendaklah menjadi badan berkanun di peringkat kebangsaan/ wilayah/ serantau /negeri.
- c) Pendaftaran dengan pihak swasta atau organisasi bukan kerajaan tidak akan diterima.

### **5.2.2 KELAYAKAN AKADEMIK**

- a) Pengamal harus memiliki kelayakan asas di peringkat Sarjana Muda atau setaraf dalam bidang amalan yang diiktiraf seperti di Lampiran II dan Senarai Kelayakan Pengamal PT&K Di Bawah Akta PT&K 2016 mengikut bidang amalan diiktiraf yang dipohon seperti yang terkandung di laman web Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, KKM.
- b) Kelayakan asas yang diperolehi melalui pengajian sendiri, pengajian jarak jauh, pengajian secara bertulis (*correspondence*) atau pengajian separa masa tidak akan diterima.
- c) Bidang amalan diiktiraf yang dipohon harus bersesuaian dengan kelayakan akademik yang dimiliki oleh pengamal tersebut.

### **5.2.3 PENGALAMAN BEKERJA**

Pengamal harus mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman bekerja dalam bidang amalan diiktiraf yang dipohon diambil kira dari tarikh sijil kelayakan atau tarikh sijil pendaftaran/sijil amalan, mana-mana yang kemudian atau berkaitan.

### **5.2.4 UMUR**

Pengamal harus berumur sekurang-kurangnya 27 tahun semasa permohonan dikemukakan.

### 5.2.5 KRITERIA LAIN

Pengamal harus membuat pengisytiharan untuk mengesahkan bahawa beliau dianggap layak dari segi fizikal dan mental untuk mengamal.

## 6.0 **BAHAGIAN B: PROSES PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS BAGI SYARIKAT SEMENANJUNG MALAYSIA**

### 6.1 PERMOHONAN ORGANISASI/ SYARIKAT SWASTA

Organisasi/ Syarikat perlu berdaftar di dalam Xpats Gateway menerusi laman web [esd.imi.gov.my](http://esd.imi.gov.my).

### 6.2 PENYEDIAAN DOKUMEN SOKONGAN

**6.2.1** Semua dokumen sokongan seperti di Senarai Semak Permohonan Surat Maklum Balas untuk Pengamal PT&K (Lampiran V) termasuk Permohonan Perakuan Pengamalan Sementara (Lampiran III) dan Borang Maklumat Permohonan Perakuan Pengamalan Sementara (Lampiran IV) harus disediakan dengan lengkap dan dimuat naik ke portal Xpats Gateway.

**6.2.2** Setiap halaman salinan dokumen yang dikemukakan perlu disahkan benar oleh salah seorang seperti berikut:

- a) Penjawat Awam dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional;
- b) Peguambela dan Peguamcara;
- c) Pesuruhjaya Sumpah;
- d) Notari Awam;
- e) Pegawai Kedutaan atau Konsulat yang memegang jawatan Pengurusan dan Profesional; atau
- f) Jaksa Pendamai.

**6.2.3** Satu perakuan berkanun hendaklah dilampirkan sekiranya maklumat yang tercetak pada mana-mana dokumen berbeza daripada maklumat yang terdapat pada dokumen perjalanan/pasport pengamal.

**6.2.4** Sekiranya dokumen asal bukan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, dokumen tersebut hendaklah diterjemahkan ke Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan dihantar bersama salinan dokumen dalam bahasa asal yang telah diakui sah. Dokumen yang diterjemahkan hanya akan diterima sekiranya terjemahan dilakukan oleh:

- a) Penterjemah Mahkamah Malaysia yang diiktiraf; atau
- b) Pegawai Kedutaan yang sesuai; atau
- c) Notari Awam dari negara di mana sijil dikeluarkan; atau
- d) Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM); atau
- e) Persatuan Penterjemah Malaysia.

**6.2.5** Pengamal perlu mendapatkan atau menyediakan *Letter of Good Standing* atau mana-mana dokumen berkaitan yang diperlukan daripada pihak berkuasa yang mengawalselia pendaftaran pengamal tersebut sebelum ini.

### **6.3 PENYERAHAN PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS**

- 6.3.1** Wakil organisasi/ syarikat swasta perlu memohon Pas Penggajian bagi pengamal PT&K dalam sistem Xpats Gateway dengan mengisi kesemua maklumat yang diperlukan.
- 6.3.2** Kesemua dokumen yang lengkap perlu dimuat naik ke dalam Xpats Gateway oleh organisasi/ syarikat swasta yang memohon Pas Penggajian daripada JIM untuk pengamal tersebut mengikut kategori yang ditetapkan.
- 6.3.3** Setiap permohonan akan diproses melalui Xpats Gateway dan keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui sistem tersebut.
- 6.3.4** Organisasi/ Syarikat swasta perlu merujuk kepada *System User Manual Xpats Gateway* yang boleh dimuat turun dari laman web ESD untuk butiran lanjut berkenaan penggunaan sistem tersebut.
- 6.3.5** Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak. Pihak syarikat perlu memohon semula dengan melengkapkan dan mengemas kini maklumat yang diperlukan

### **6.4 KEPUTUSAN PERMOHONAN**

- 6.4.1** Surat keputusan permohonan boleh dimuat turun melalui sistem Xpats Gateway
- 6.4.2** Sekiranya permohonan diluluskan, Surat Maklum Balas/ Sokongan akan dijana dalam portal Xpats Gateway. Surat tersebut akan digunakan untuk menyokong permohonan Pas Penggajian pengamal.
- 6.4.3** Sekiranya permohonan ditolak, pihak organisasi/ syarikat swasta akan dimaklumkan sebab permohonan ditolak melalui Xpats Gateway.
- 6.4.4** Pihak organisasi/ syarikat swasta boleh membuat permohonan semula melalui Xpats Gateway untuk permohonan yang telah ditolak dengan mengemaskini data dan dokumen yang diperlukan.
- 6.4.5** Kelulusan muktamad bagi pengamal PT&K warga asing mendapatkan *Employment Pass/ Pas Penggajian* adalah di bawah bidang kuasa JIM dan bukan KKM.

### **6.5 PERMOHONAN YANG DITOLAK**

- 6.5.1** Permohonan yang ditolak oleh kerana sebab-sebab berikut:
  - a) Bidang amalan yang dipohon bukan bidang amalan diiktiraf;
  - b) Kelayakan asas pengamal tidak memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan;
  - c) Pemalsuan mana-mana dokumen; atau
  - d) Pengamal telah disenarai hitamkan oleh negara asal, Majlis PT&K, BPTK, KKM, JIM atau agensi kerajaan yang lain;tidak akan dipertimbangkan semula.

## **7.0 BAHAGIAN C: PROSES PERMOHONAN PPS**

### **7.1 PROSES PERMOHONAN PPS**

- 7.1.1** Setelah mendapatkan Pas Penggajian daripada pihak JIM, pihak organisasi/ syarikat swasta/ pengamal perlu mengemukakan dokumen seperti di Senarai Semak Permohonan PPS untuk Pengamal PT&K Warga Asing (Lampiran VI) bagi mendapatkan PPS.

### **7.2 BAYARAN PERMOHONAN PPS**

- 7.2.1** Pihak organisasi/ syarikat swasta perlu mengemukakan dokumen-dokumen seperti di Senarai Semak Permohonan PPS untuk Pengamal PT&K Warga Asing (Lampiran VI) **kepada BPTK** berserta bayaran sebanyak Ringgit Malaysia Dua Ratus (RM 200.00) untuk setiap permohonan yang dikemukakan.
- 7.2.2** Bayaran perlu dibuat bersama-sama permohonan PPS.
- 7.2.3** Bayaran boleh dibuat secara:
- a) Tunai (hanya diterima sekiranya permohonan PPS dihantar secara serahan tangan ke pejabat BPTK); atau
  - b) Draf bank

### **7.3 PENYERAHAN PERMOHONAN PPS**

- 7.3.1** Seorang wakil daripada organisasi/ syarikat swasta yang memohon dengan alamat dan nombor telefon di Malaysia (wakil organisasi dinamakan) perlu bertanggungjawab untuk menguruskan permohonan setiap pengamal.
- 7.3.2** Permohonan PPS yang lengkap perlu dihantar secara serahan tangan atau melalui pos ke alamat seperti berikut:

**Pendaftar  
Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari  
Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras Bawah, Blok D, Jalan Cenderasari  
50590 KUALA LUMPUR**

- 7.3.3** Hanya permohonan PPS yang lengkap akan diterima dan diproses.
- 7.3.4** Wakil organisasi dinamakan adalah dinasihatkan untuk menyimpan sesalinan dokumen yang dihantar sebagai rujukan masa hadapan.
- 7.3.5** Tiada pindaan dibenarkan setelah permohonan diserahkan.
- 7.3.6** Wakil organisasi dinamakan hendaklah bertanggungjawab untuk memaklumkan pengamal dan menyerahkan salinan Pas Penggajian pengamal yang dikeluarkan oleh

JIM kepada CMPTK dalam tempoh **empat belas (14) hari bekerja** dari tarikh Pas Penggajian diluluskan bagi tujuan mendapatkan PPS.

- 7.3.7** Wakil organisasi dinamakan hendaklah bertanggungjawab untuk menghubungi pengamal dan menyediakan dokumen sokongan tambahan sekiranya diminta semasa permohonan tersebut diproses. Proses permohonan akan **dibatalkan** sekiranya organisasi yang membuat permohonan gagal menyediakan maklum balas yang berkaitan dalam masa **satu (1) bulan**.

#### **7.4 KEPUTUSAN PERMOHONAN**

- 7.4.1** PPS hanya akan dikeluarkan kepada pengamal yang mempunyai Pas Penggajian yang sah sahaja.
- 7.4.2** PPS akan dikeluarkan dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja daripada tarikh penerimaan salinan Pas Penggajian.
- 7.4.3** Bergantung kepada kaedah penghantaran yang dipilih dalam borang permohonan, PPS akan dihantar kepada pemohon melalui pos atau wakil organisasi dinamakan yang akan dihubungi untuk membuat pungutan PPS di pejabat CMPTK.
- 7.4.4** Tempoh sah laku setiap PPS adalah **tidak lebih dari 12 bulan** daripada tarikh dikeluarkan.

#### **7.5 PERMOHONAN PEMBAHARUAN UNTUK PPS**

Permohonan pembaharuan untuk PPS hendaklah dihantar oleh pemohon kepada Majlis PT&K sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tarikh luput PPS semasa.

#### **7.6 PERMOHONAN PPS DENGAN ORGANISASI/ SYARIKAT LAIN**

- 7.6.1** Sekiranya pengamal berhasrat untuk bekerja untuk organisasi/ syarikat lain, berikut adalah dokumen sokongan yang perlu dihantar bersama borang permohonan oleh pemohon yang baru:
- Surat pelepasan daripada organisasi di mana pengamal bekerja sebelum ini;
  - Salinan dokumen organisasi baru seperti di Senarai Semak Permohonan Surat Maklum Balas untuk Pengamal PT&K (Lampiran V);

Kesemua dokumen perlu dimuat naik ke portal *Xpats Gateway* oleh organisasi baharu yang ingin menggaji pengamal tersebut bagi mendapatkan Pas Penggajian yang baharu.

- 7.6.2** Setelah mendapatkan Pas Penggajian dengan organisasi/ syarikat baharu, pemohon perlu mengemukakan permohonan bagi mendapatkan PPS.

## **8.0 BAHAGIAN D: TERMA DAN SYARAT**

### **8.1 TERMA DAN SYARAT UNTUK PENGAMAL**

#### **8.1.1 TUGAS PENGAMAL**

Pengamal berdaftar perlu memenuhi terma dan syarat seperti berikut:

- a) Memaparkan PPS di premis yang berdaftar pada setiap masa;
- b) Menjalankan perkhidmatan seperti yang dinyatakan pada PPS yang sah;
- c) Mematuhi Kod Tingkah Laku Profesional Bagi Pengamal Perubatan Tradisional dan Komplementari di Malaysia
- d) Mematuhi perundangan semasa di Malaysia seperti Akta PT&K 2016; Akta Perubatan 1971; subseksyen 5(33) Akta Ubat (Iklan dan Penjualan) 1956 serta undang-undang lain yang berkaitan.

### **8.2 TINDAKAN YANG DIKENAKAN AKIBAT PELANGGARAN TERMA DAN SYARAT**

Tindakan yang boleh dikenakan ke atas pengamal warga asing akibat pelanggaran terma dan syarat adalah seperti berikut:

#### **8.2.1 AMARAN**

Surat amaran akan dikeluarkan kepada pengamal yang melanggar mana-mana terma dan syarat.

#### **8.2.2 PEMBATALAN PPS**

- a) PPS boleh dibatalkan oleh Majlis PT&K sekiranya pengamal didapati telah melakukan kesalahan atau melanggar undang-undang seperti yang dinyatakan pada 8.1.1 (c) dan (d).
- b) Keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

*Garis panduan ini tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dan tanpa sebarang notis awal.*

---

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Unit Pendaftaran dan Perakuan

Cawangan Majlis PT&K

Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras Bawah, Blok D, Jalan Cenderasari

50590 KUALA LUMPUR

Tel : +603-2279 8100 (Ext: 487/488)

Website : <https://hq.moh.gov.my/tcm/ms/>

**SENARAI BIDANG AMALAN DIIKTIRAF UNTUK TUJUAN GARIS PANDUAN INI**

1. Perubatan Tradisional Cina
2. Perubatan Tradisional India
3. Homeopati
4. Kiropraktik
5. Osteopati

## KELAYAKAN ASAS MENGIKUT BIDANG AMALAN

No.	Bidang Amalan	Pengamal	Kelayakan Asas
1.	Perubatan Tradisional Cina	Pengamal PT&K (Perubatan Cina)	Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal Perubatan Tradisional Cina (PTC) Di Bawah Akta PT&K 2016
2.		Pengamal PT&K (Akupunktur)	Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal Perubatan Tradisional Cina (PTC) Di Bawah Akta PT&K 2016
3.	Perubatan Tradisional India		Senarai Kelayakan yang Boleh Didaftarkan untuk pengamal Perubatan Tradisional India (PTI) di Bawah Akta PT&K 2016
		Pengamal PT&K (Ayurveda)	a) Senarai Kelayakan yang Boleh Didaftarkan untuk Pengamal PTI (Ayurveda)
4.		Pengamal PT&K (Siddha)	b) Senarai Kelayakan yang Boleh Didaftarkan untuk Pengamal PTI (Siddha)
5.		Pengamal PT&K (Unani)	c) Senarai Kelayakan yang Boleh Didaftarkan untuk Pengamal PTI (Unani)
6.		Pengamal PT&K (Naturopati dan Yoga)	d) Senarai Kelayakan yang Boleh Didaftarkan untuk Pengamal PTI (Naturopati dan Yoga)
8.	Homoepati	Pengamal PT&K (Homeopati)	Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal Homeopati Di Bawah Akta PT&K 2016
9.	Kiropraktik	Pengamal PT&K (Kiropraktik)	Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal Kiropraktik Di Bawah Akta PT&K 2016
10.	Osteopati	Pengamal PT&K (Osteopati)	Senarai Kelayakan Yang Boleh Didaftarkan Untuk Pengamal Osteopati Di Bawah Akta Perubatan Tradisional & Komplementari 2016

Senarai penuh kelayakan yang diiktiraf dalam bidang amalan yang diiktiraf di atas boleh diakses di <https://hq.moh.gov.my/tcm/ms/index.php/kelayakan-pengamal>

BORANG G  
FORM G

AKTA PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI 2016 [Akta 775]  
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE ACT 2016 [Act 775]

[Subperaturan 5(1)]  
[Subregulation 5(1)]

PERMOHONAN PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA  
APPLICATION FOR TEMPORARY PRACTISING CERTIFICATE

Saya (nama penuh) .....ingin memohon untuk perakuan pengamalan sementara seperti di bawah Subseksyen 24(2) Akta 775.

*I (full name) .....would like to apply for a temporary practising certificate under Subsection 24(2) of Act 775.*

Dengan ini saya sertakan pembayaran secara \*Wang Tunai/ Kiriman Wang Pos/ Wang Pos/ Draf Bank/ Cek; (No. ....)/ pemindahan wang secara elektronik dengan jumlah RM ..... untuk tujuan di atas.

*I enclose herewith payment through \*Cash/ Postal Order/ Money Order/ Bank Draft/ Cheque; (No. ....)/ electronic fund transfer with the amount of RM ..... for the above mentioned purpose.*

Saya faham bahawa keputusan permohonan ini adalah tertakluk kepada keperluan Majlis PT&K dipenuhi, dan keputusan Majlis PT&K adalah muktamad.

*I understand that the result of this application is subject to fulfilling the requirements of the T&CM Council, and the decision of the T&CM Council is final.*

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon (*Applicant's Signature*)

Nama:

*Name:*

\_\_\_\_\_  
Tarikh:

*Date:*

*\*Potong yang mana tidak berkenaan/ Cancel whichever is not applicable*



**MAJLIS PERUBATAN TRADISIONAL & KOMPLEMENTARI**  
*TRADITIONAL & COMPLEMENTARY MEDICINE COUNCIL*

Gambar  
berukuran  
pasport/  
*Passport size  
photo*

**BORANG MAKLUMAT PERMOHONAN**  
**PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA**  
*TEMPORARY PRACTISING CERTIFICATE*  
*APPLICATION INFORMATION FORM*

**BAHAGIAN A (PART A):**

MAKLUMAT PERIBADI/ <i>PERSONAL INFORMATION</i>			
Nama (seperti dalam dokumen pengenalan): <i>Name (as in Identification Document):</i>			
Jenis Dokumen Pengenalan: <i>Type of Identification Document:</i> (Sila Pilih Satu/ <i>Please Choose One</i> )	a) <input type="checkbox"/> Pasport / <i>Passport</i> b) <input type="checkbox"/> Lain-lain/ <i>Others</i> (sila nyatakan/ <i>please specify</i> ): .....		
No. Dokumen Pengenalan: <i>Identification Document No.:</i>			
Umur: <i>Age:</i>		Tarikh Lahir: <i>Date of Birth:</i>	
Warganegara: <i>Nationality:</i>			
Jantina: <i>Sex:</i>		No. Telefon Rumah: <i>House Telephone No.:</i>	
No. Telefon Bimbit: <i>Handphone No.:</i>		No. Telefon Pejabat: <i>Office Telephone No.:</i>	
Emel: <i>Email:</i>			
Alamat Tempat Tinggal: <i>Residential Address:</i>			
Alamat Surat-Menyurat: (sekiranya berbeza dengan Alamat Tempat Tinggal) <i>Postal address: (if different from the Residential Address)</i>			

<b>MAKLUMAT AMALAN/ PRACTICE INFORMATION</b>		
Bidang Amalan Diiktiraf: <i>Recognised Practice Area:</i>	<input type="checkbox"/> Perubatan Tradisional Cina/ <i>Traditional Chinese Medicine</i> - Subbidang Amalan/ <i>Subpractice Area:</i> (sila pilih yang berkaitan/ <i>please select related area</i> ) <input type="checkbox"/> Akupunktur & Moksibusi/ <i>Acupuncture &amp; Moxibustion</i> <input type="checkbox"/> Bekam/ <i>Cupping</i> <input type="checkbox"/> Herba Cina/ <i>Chinese Herbal</i> <input type="checkbox"/> Tuina <input type="checkbox"/> Mengamalkan semua di atas/ <i>Practising all of the above</i>  <input type="checkbox"/> Perubatan Tradisional India/ <i>Traditional Indian Medicine</i> - Sublapangan/ <i>Subfield Area:</i> (sila pilih yang berkaitan/ <i>please select related area</i> ) <input type="checkbox"/> Ayurveda <input type="checkbox"/> Siddha <input type="checkbox"/> Unani <input type="checkbox"/> Naturopati & Yoga/ <i>Naturopathy &amp; Yoga</i> <input type="checkbox"/> Homeopati/ <i>Homeopathy</i> <input type="checkbox"/> Kiropraktik/ <i>Chiropractic</i> <input type="checkbox"/> Osteopati/ <i>Osteopathy</i>	
<b>MAKLUMAT SYARIKAT / COMPANY INFORMATION</b>		
Maklumat Syarikat: <i>Company Details :</i>	Nama/ <i>Name:</i>	
	Alamat/ <i>Address:</i>	
	No Pendaftaran Syarikat/ <i>Company</i> Reg. No :	
Nama Wakil Syarikat untuk dihubungi : <i>Name of Company Contact</i> <i>Person:</i>	Nama/ <i>Name :</i>	
	No Tel / <i>Tel No :</i>	

**BAHAGIAN B (PART B):**

<b>MAKLUMAT KELAYAKAN AKADEMIK DALAM PT&amp;K / INFORMATION ON ACADEMIC QUALIFICATIONS IN T&amp;CM</b>	
<b>(Sila Rujuk Garis Panduan Pendaftaran Pengamal PT&amp;K Yang Berkaitan Dengan Bidang Amalan Diiktiraf Yang Dipohon/ Please Refer To The Registration Guideline for T&amp;CM Practitioners Related To The Recognized Practice Area Applied For)</b>	
a) Kelayakan asas: <i>Basic Qualification:</i>	
b) Nama Institusi Yang Menganugerahkan Kelayakan: <i>Name of Awarding Institution:</i>	
c) Tarikh Kelayakan Diperoleh: <i>Date Qualification Obtained:</i>	
d) Tempoh Pengajian : Duration of Studies :	
e) Lain-lain Kelayakan (yang berkaitan dengan PT&K sahaja): <i>Other Qualifications (related to T&amp;CM only):</i>	a) ..... b) ..... c).....
<b>Nota/Note:</b> Sila sertakan salinan dokumen yang telah disahkan benar sebagai bukti kelayakan yang berkaitan termasuk transkrip akademik. <i>Please attach the following certified true copies of documents as proof of the relevant qualification including academic transcripts.</i>	

**PENGALAMAN BEKERJA/ WORKING EXPERIENCE**

**(Bukti pengalaman ini hanya perlu diisi bagi pengamal yang tiada kelayakan asas yang diiktiraf/ Working experience has to be filled by practitioners who do not have a basic recognized qualification)**

Tempat Bekerja <i>Working Place</i>	Jawatan <i>Position</i>	Tarikh/ <i>Date</i>		Tempoh/ <i>Period</i>
		Dari/ <i>From</i>	Hingga/ <i>To</i>	
a)				: ___ Tahun/ <i>Years</i> : ___ Bulan/ <i>Months</i>
b)				: ___ Tahun/ <i>Years</i> : ___ Bulan/ <i>Months</i>
c)				: ___ Tahun/ <i>Years</i> : ___ Bulan/ <i>Months</i>
d)				: ___ Tahun/ <i>Years</i> : ___ Bulan/ <i>Months</i>

**Nota/Note:**

Sila sertakan salinan dokumen yang telah disahkan benar sebagai bukti pengalaman yang berkaitan  
*Please attach certified true copies of documents as proof of the relevant experience*

**MAKLUMAT PENDAFTARAN SEBAGAI PENGAMAL DI LUAR MALAYSIA/  
INFORMATION ON REGISTRATION AS A PRACTITIONER OUTSIDE MALAYSIA**

Badan Yang Mengawal Bidang Amalan Diiktiraf di Luar Malaysia/ <i>Governing Body of Recognised Practice Area Outside Malaysia</i>	No. Pendaftaran/ <i>Registration No.</i>	No. Perakuan Amalan/ <i>Practicing Certificate No.</i>
	No./No. : .....	No./No.: .....
	Tahun/Year: .....	Tahun/Year: .....

**Nota/Note:**

Sila sertakan salinan dokumen yang telah disahkan benar sebagai bukti pendaftaran dengan badan yang mengawal bidang amalan di luar Malaysia.  
*Please attach certified true copies of documents as proof of registration with the governing body of practitioner outside Malaysia.*

## PERAKUAN/ DECLARATION

- Saya mengaku bahawa keterangan-keterangan yang diberikan dalam borang ini adalah tepat dan benar dan dokumen yang disertakan merupakan salinan sah dokumen yang asal.

*I hereby declare that the particulars stated in this application are accurate and true and the documents attached are true copies of the original documents.*

- Saya tidak didapati bersalah atau melibatkan diri dalam kesalahan seperti penipuan atau keburukan akhlak yang boleh dihukum (sama ada penjara atau denda).

*I have not been found guilty or was involved in offences such as fraud or moral turpitude which are punishable (whether by imprisonment or fine).*

- Saya bersetuju dan memahami bahawa sebarang pemalsuan maklumat boleh menyebabkan pembatalan permohonan/pendaftaran saya.

*I agree and understand that any falsification of information herein can cause my application/registration to be cancelled.*

- Saya mengaku bahawa saya tidak mempunyai penyakit mental dan tidak menghidapi sebarang penyakit berjangkit yang kronik.

*I declare that I have no mental illness and do not have any chronic infectious disease.*

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon  
*Applicant's Signature*  
Nama Penuh:  
*Full name:*

\_\_\_\_\_  
Tarikh:  
*Date:*

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN SURAT MAKLUM BALAS UNTUK PENGAMAL PERUBATAN  
TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING  
FEEDBACK LETTER APPLICATION CHECKLIST FOR FOREIGN TRADITIONAL AND  
COMPLEMENTARY MEDICINE (T&CM) PRACTITIONER**

Senarai semak dokumen untuk dimuatnaik ke dalam portal Xpats Gateway oleh pemohon  
*Checklist of documents to be uploaded in Xpats Gateway portal by applicant*

No. No.	Dokumen Document	Pemohon Applicant		Untuk Kegunaan Pejabat For Office Use
		Baru New	Pembaharuan Renewal	
1.	Borang Maklumat Pemohon (Bahagian A dan B) <i>Applicant Information Form (Part A and B)</i>			
2.	Borang Permohonan PPS untuk Pengamal PT&K (Borang G) <i>Application Form for TPC for T&amp;CM Practitioner (Form G)</i>			
3.	Salinan penuh Pasport <i>Full passport copy</i>			
4.	Salinan sijil kelayakan asas untuk amalan PT&K yang dipohon <i>Copy of basic academic qualification(s) based on T&amp;CM practice area</i>			
5.	Salinan transkrip akademik <i>Copy of academic transcript</i>			
6.	Salinan sijil pendaftaran dan sijil amalan daripada negara di mana pemohon mengamal sebelum ini <i>Copy of registration certificate and practicing certificate from the country where the applicant practised before</i>			
7.	Surat kelakuan baik semasa daripada badan pengawalseliaan yang berkenaan di negara pengamal mengamal sebelum ini (salinan asal) <i>Current letter of good standing from the relevant regulatory authority in the country the applicant last practised (original copy)</i>			
8.	Salinan surat akuan pengalaman bekerja daripada majikan terdahulu <i>Copy of testimonial(s) from previous employer(s)</i> a) <u>          Nama syarikat Company Name          </u> b) <u>          Nama syarikat Company Name          </u> c) <u>          Nama syarikat Company Name          </u>	<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>		<input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/> <input type="checkbox"/>
9.	Laporan perubatan kesihatan terkini (dalam masa tiga bulan terakhir) yang disahkan oleh pengamal perubatan (moden) berdaftar <i>Latest medical report (within the last three months) verified by a registered (modern) medical practitioner</i>			
10.	Salinan kontrak penggajian dengan majikan <i>Copy of employment contract</i>			
11.	Sijil Perakuan Pengamalan Sementara tahun sebelum (Borang H) <i>Copy of Previous Temporary Practising Certificate (Form H)</i>			

No. No.	Dokumen Document	Pemohon Applicant		Untuk Kegunaan Pejabat For Office Use
		Baru New	Pembaharuan Renewal	
12.	Laporan prestasi majikan untuk tempoh sah PPS yang lalu <i>Performance report by the employer for the period of last TPC validity</i>			

**NOTA/ NOTES:**

- A. Setiap muka surat daripada salinan dokumen yang dikemukakan harus ditandatangani dan disahkan benar oleh salah seorang daripada berikut:  
*Every page of the document copies submitted shall be signed and certified true by one of the following:*
- Peguam bela dan peguam cara/ *Advocates and solicitors;*
  - Pesuruhjaya sumpah/ *Commissioner of Oaths;*
  - Notari awam/ *Public Notary;*
  - Pegawai kedutaan atau konsulat yang memegang jawatan pentadbiran dan profesional/ *Embassy or Consulate officials holding administrative and professional post;*
  - Jaksa Pendamai/ *Justice of Peace.*
- B. Akuan berkanun (Statutory Declaration) harus dikemukakan sekiranya nama pengamal dalam mana-mana dokumen sokongan yang dikemukakan adalah berlainan dengan nama yang tertera di pasport.  
*A Statutory Declaration is required if the printed name in any of the documents submitted differs from the name as appears in the passport.*
- C. Sekiranya dokumen asal bukan dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, dokumen yang berkaitan perlu diterjemah ke Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris, dan dikemukakan bersama dengan dokumen dalam bahasa asal yang telah disahkan benar. Penterjemahan dokumen hanya diterima sekiranya dilakukan oleh salah satu pihak berikut:  
*If the original documents are neither in Bahasa Melayu or English, the documents shall be translated to either Bahasa Melayu or English and submitted along with certified copies of the document in the original language. Translated documents are acceptable only if carried out by one of the following parties:*
- Penterjemah dari mahkamah Malaysia yang diperakukan/ *Certified Malaysian court translators;*
  - Pegawai kedutaan yang bersesuaian/ *Suitable embassy officials;*
  - Notari awam dari negara asal sijil dikeluarkan/ *Notary public from the country where the certificate was issued;*
  - Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM)/ *Malaysian Institute of Translation and Books.*
- D. Permohonan yang tidak lengkap akan ditolak/ *Incomplete applications will be rejected.*
- E. Kesemua dokumen perlu dimuat naik ke dalam portal Xpats Gateway/ All documents need to be uploaded to the Xpats Gateway Portal.**

**SENARAI SEMAK PERMOHONAN PERAKUAN PENGAMALAN SEMENTARA (PPS) UNTUK  
PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI (PT&K) WARGA ASING**

**TEMPORARY PRACTISING CERTIFICATE (TPC) APPLICATION CHECKLIST FOR FOREIGN  
TRADITIONAL AND COMPLEMENTARY MEDICINE (T&CM) PRACTITIONER**

Senarai semak untuk diisi oleh pemohon (sila tanda  $\sqrt$  jika dokumen disertakan)

*Checklist to be filled by applicant (please tick  $\sqrt$  if you have attached the relevant document)*

Jenis Permohonan:  Baru  Pembaharuan  
*Type of Application:  New  Renewal*

Nama Pemohon  
*Name of Applicant* : \_\_\_\_\_  
 Nama Majikan  
*Name of Employer* : \_\_\_\_\_  
 No Pendaftaran  
 Syarikat  
 Company Registration  
 No. : \_\_\_\_\_  
 Bidang Amalan Diiktiraf  
*Recognised Practice*  
 Area : \_\_\_\_\_

No. No.	Dokumen Document	Pemohon Applicant		Untuk Kegunaan Pejabat For Office Use
		Baru New	Pembaharuan Renewal	
1.	Borang Maklumat Pemohon (Bahagian A dan B) <i>Applicant Information Form (Part A and B)</i>			
2.	Borang Permohonan PPS untuk Pengamal PT&K (Borang G) <i>Application Form for TPC for T&amp;CM Practitioner (Form G)</i>			
3.	Salinan Pas Penggajian terkini beserta muka surat biometrik pasport <i>Copy of latest Employment Pass together with biometric page of passport</i>			
4.	Salinan kontrak penggajian terkini dengan majikan <i>Copy of latest employment contract</i>			
5.	Sijil Perakuan Pengamalan Sementara tahun sebelum (Borang H) <i>Copy of Previous Temporary Practising Certificate (Form H)</i>			
6.	<b><i>Fee payment of RM 200.00 ONLY payable to:-</i></b> <i>(draf bank atau wang tunai sahaja) / (bank draft or cash only)</i>  <b>PENGARAH BAHAGIAN PERUBATAN TRADISIONAL DAN KOMPLEMENTARI</b>			

	<p>Sila pastikan tiada kesalahan ejaan, tidak memakai simbol '&amp;' atau apa jua singkatan.  <i>Please make sure there is no spelling error, do not use the symbol '&amp;' or any abbreviation.</i></p>			
7	<p><b>Bagi tujuan maklum balas permohonan, sila pilih:</b>  <b><i>For the purpose of application's feedback, please choose:</i></b></p> <p><input type="checkbox"/> <b>Dengan Kiriman/ Via Post</b>          Bagi tujuan maklum balas permohonan melalui pos, sila sertakan satu sampul surat kosong Perkhidmatan Kiriman Cepat (Poslaju sahaja) <b>yang beralamat sendiri</b>, bersaiz A4 (353mm x 250mm) dengan berat maksima 500gm. Sampul surat biasa dengan setem bagi tujuan maklum balas permohonan melalui pos adalah tidak diterima.  <i>For the purpose of application feedback via post, please attach one A4 (353mm x 250mm) size <b>self-addressed</b> Express Courier Service empty envelope (Poslaju only) with maximum weight of 500gm. The use of regular envelopes affixed with stamp for the purpose of application feedback by post will not be accepted.</i></p> <p><input type="checkbox"/> <b>Penerimaan di kaunter BPTK/ Self collection at T&amp;CMD registration counter</b></p>			

- A. Setiap muka surat daripada salinan dokumen yang dikemukakan harus ditandatangani dan disahkan benar oleh salah seorang daripada berikut:

*Every page of the document copies submitted shall be signed and certified true by one of the following:*

- a) Peguam bela dan peguam cara/ *Advocates and solicitors;*
- b) Pesuruhjaya sumpah/ *Commissioner of Oaths;*
- c) Notari awam/ *Public Notary;*
- d) Pegawai kedutaan atau konsulat yang memegang jawatan pentadbiran dan profesional/ *Embassy or Consulate officials holding administrative and professional post;*
- e) Jaksa Pendamai/ *Justice of Peace.*

- B. Permohonan yang lengkap bersama semua dokumen sokongan perlu dihantar secara serahan tangan atau melalui pos ke alamat seperti berikut:

*The complete application and all relevant supporting documents shall be delivered by hand or by post to the following address;*

**Pendaftar**  
**Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari**  
**Cawangan Majlis Perubatan Tradisional dan Komplementari**  
**Kementerian Kesihatan Malaysia**  
**Aras Bawah, Blok D, Jalan Cenderasari**  
**50590 KUALA LUMPUR**

- C. Hanya permohonan yang lengkap akan diterima dan diproses.

*Only complete applications will be accepted and processed.*